

Sila semak semasa dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI  
SELAKU PENASIHAT UTAMA  
PUSAT PENDIDIKAN KOMUNITI PARLIMEN KUBANG PASU  
DI PUSAT PENDIDIKAN KOMUNITI PARLIMEN  
KUBANG PASU, KEDAH  
PADA HARI JUMAAT, 10 NOVEMBER 2000  
JAM 11.00 PAGI**

-----

Bagi memulakan ucapan ringkas saya ini, saya dahulukan dengan rakaman rasa syukur saya ke-hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan rahmat-Nya hasrat menubuhkan Pusat Pendidikan Komuniti Parlimen Kubang Pasu akhirnya menjadi satu kenyataan. Sesungguhnya kejayaan menubuhkan pusat ini adalah hasil usaha dan gembleran banyak pihak.

2. Penubuhan Pusat ini bermula dengan idea mengadakan sebuah pusat perkhidmatan cyber. Pada mulanya sebuah bangunan kediaman pegawai di belakang rumah kediaman OCPD dipilih untuk diubah-suaikan sebagai bangunan pusat perkhidmatan cyber. Bagaimanapun memandangkan bangunan pasar Jitra ditinggalkan kosong dan lokasinya dianggap strategik, maka dengan persetujuan Majlis Daerah Kubang Pasu, kompleks pasar Jitra dijadikan bangunan bagi pusat Cyber.

3. Saya merasa bertuah dapat memiliki sekumpulan ahli akademik dan pentadbir serta beberapa tenaga profesional dalam IT yang menjadi tenaga penggerak bagi merancang penubuhan pusat perkhidmatan cyber ini. Mereka ini telah menubuhkan Kelab Penggerak Masyarakat Kubang Pasu sebagai sebuah NGO yang bekerja keras menubuhkan pusat ini.

4. Kelab Penggerak Masyarakat Kubang Pasu telah mengembangkan lagi idea asal saya dengan menambahkan dua lagi bentuk perkhidmatan kepada masyarakat iaitu perkhidmatan

bimbingan dan kaunseling dan perkhidmatan bimbingan pendidikan. Gabungan dari perkhidmatan cyber, kaunseling dan bimbingan pendidikan inilah yang membentuk Pusat Pendidikan Komuniti Kubang Pasu ini.

5. Saya amat berharap Pusat Pendidikan Komuniti Parlimen Kubang Pasu ini akan menjadi satu pemangkin kepada usaha merapatkan jurang ketertinggalan penduduk luar bandar dalam era ekonomi baru yang menuntut kemahiran dalam teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT ini.

6. Saya difahamkan bahawa Jawatankuasa Pusat ini telahpun menyusun program-program bagi ketiga-tiga perkhidmatan untuk faedah masyarakat setempat, iaitu meliputi golongan kanak-kanak, belia dan remaja serta orang dewasa.

7. Dalam bidang IT kursus-kursus perisian atau software akan ditawarkan kepada ahli-ahli Pusat ini. Pusat ini mengenakan bayaran pendaftaran keahlian sebanyak lima ringgit sahaja. Kita akan menawarkan pelbagai kursus perisian bagi meningkatkan pengetahuan ahli-ahli berdaftar.

8. Pada hari ini banyak golongan muda menyalahgunakan perkhidmatan dunia cyber, khususnya Internet, e-mail dan chit chat. Keadaan ini amat membimbangkan kerana mereka menghabiskan masa berjam-jam membuat kerja yang tidak berfaedah. Mana yang ada komputer di rumah mereka membuang waktu hingga larut malam. Gejala ini perlu kita perbaiki segera sebelum ianya menjadi satu keadaan yang membinasakan.

9. Budaya ini perlulah dibendung dengan mendisiplinkan mereka secara lebih berkesan dan tidak mudah terpengaruh dengan gejala negatif disebabkan oleh dunia cyber. Oleh itu saya menyeru kepada pengguna-pengguna pusat ini khususnya generasi muda, bahawa mereka perlu

mempunyai keseimbangan rohani, disiplin diri, rajin berusaha meningkatkan ilmu dan melakukan sesuatu secara bersungguh-sungguh.

10. Dari segi disiplin, pusat ini diharapkan dapat mendidik pengguna pusat ini beretika, mempunyai ketahanan mental dan rohani, beriman dan mampu menjalani hidup yang baik. Pusat ini diharap dapat melahirkan dunia cyber yang sihat dan berwawasan melalui pembentukan awal generasi muda.

11. Apa yang penting ialah pelajaran, dan bidang komputer khususnya mempunyai masa depan yang cerah, hatta ia masih belum membangun pesat secara menyeluruh. Pusat Pendidikan Komuniti Parlimen Kubang Pasu ini diharap menjadi pemangkin bagi merapatkan jurang ketertinggalan masyarakat luar bandar dalam teknologi komunikasi dan maklumat (ICT). Semoga penduduk dalam Parlimen Kubang Pasu ini dapat memanfaatkan kemudahan di pusat ini dalam usaha kita merapatkan jurang digital antara penduduk di negara ini.

12. Jurang digital antara masyarakat bandar dan luar bandar perlu ditangani segera seiring dengan usaha negara menuju ke arah dunia komunikasi teknologi maklumat. Kita sedar betapa 65 peratus penggunaan komputer di Malaysia adalah meliputi kawasan bandar, terutamanya di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang.

13. Saya difahamkan kadar penggunaan komputer peribadi untuk setiap isi rumah masih rendah, iaitu tidak melebihi 5 peratus. Begitu juga jumlah pelanggan internet masih besar jumlahnya di bandar-bandar besar. Saya mengharapkan Pusat Pendidikan Komuniti ini akan menjadi tumpuan seluruh peringkat masyarakat dalam kawasan Parlimen Kubang Pasu ini dalam melayari internet dalam menambahkan pengetahuan serta ilmu yang diperlukan dalam menghadapi perubahan besar dunia komunikasi hari ini. Sama ada e-dadang atau k-ekonomi kesemuanya menuntut kita mengetahui perkembangan dan perubahan cepat dalam dunia komunikasi dan teknologi.

14. Oleh itu saya mengambil kesempatan di sini meminta kerjasama dari pihak-pihak yang berkaitan membantu menyegerakan usaha memberi peluang kepada semua menikmati kemajuan dalam komunikasi teknologi maklumat. Setiap rakyat hendaklah diberi peluang laluan yang saksama tanpa mengorbankan wang tanggungan yang tinggi.
15. Dalam mengharungi dunia tanpa sempadan atau globalisasi, bahasa komunikasi yang perlu diketahui oleh pengguna internet ialah bahasa Inggeris. Besarlah harapan saya supaya kelas intensif Bahasa Inggeris anjuran Pusat mi nanti akan dapat membantu pelajar-pelajar khususnya dan pengguna komputer amnya berkomunikasi dengan masyarakat mar bagi tujuan yang positif.
16. Menyentuh tentang kelas intensif matematik yang akan dianjurkan oleh pusat mi, diharap ianya menjadi satu lagi program yang patut menjadi perhatian ibu bapa serta pelajar-pelajar sekalian.
17. Jika tidak ada aral melintang, pusat ini juga dijangka akan memperkenalkan satu kursus perkakasan atau 'hardware' untuk belia-belia lepasan sekolah dan yang menganggur. Tujuannya adalah untuk membolehkan peserta mengenal, membuka dan memasang serta membaikpulih komputer. Diharap peserta dalam program ini nanti dapat berdikari samada bagi tujuan persendirian mahupun bagi tujuan perniagaan kecil.
18. Satu lagi harapan saya ialah pusat ini akan menjadi pusat sumber maklumat dalam bidang bimbingan kerjaya, maklumat pasaran kerjaya serta menyebarkan maklumat penting untuk masyarakat. Adalah perlu diadakan secara berkala pameran-pameran yang ada kaitannya dengan pendidikan dan kemasyarakatan.

19. Mungkin agaknya jangkauan harapan saya terlalu tinggi, tetapi ianya satu yang boleh kita lakukan jika ada kerjasama di antara pendidik di peringkat sekolah dengan tenaga pengajar IPTA (Institut Pendidikan Tinggi Awam) untuk pusat ini menganjurkan kursus dalam bentuk summer camp yang memberi penekanan kepada aspek ICT, kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris, motivasi pembelajaran dan juga kemahiran dalam matematik. Saya yakin kem Sintok milik UUM serta kemudahan infrastruktur UUM sendiri dapat digunakan sehinggalah program summer camp nanti mendapat sambutan dan Kelab Penggerak Masyarakat dapat memperolehi tanah dan bangunan sendiri sebagai pusat latihan yang tetap.

20. Pusat Pendidikan Komuniti Parlimen Kubang Pasu juga diharapkan terus memainkan peranan penting dalam aspek latihan pengurusan kemasyarakatan kepada Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta mengaplikasi kerja pengurusan melalui komputer sebagai persiapan halacara baru pengurusan JKKK bagi masa depan.

21. Pusat ini juga mempunyai perisian tulisan jawi yang boleh dipelajari oleh generasi muda, di samping digunakan oleh orang dewasa yang masih kukuh pengetahuan dalam tulisan jawi. Malah pusat ini juga menawarkan beberapa perisian pendidikan pengetahuan Islam termasuk belajar membaca Quran menerusi komputer, di samping pengetahuan lain yang dapat menajamkan fikiran dan memperkayakan pengetahuan kita.

22. Kaum ibu juga seharusnya menggunakan peluang ini untuk mendekati komputer di pusat ini bagi memudahkan mereka membimbing dan mengawasi anak-anak mereka yang menggunakan komputer. Satu hakikat yang perlu kita sedari ialah hari ini, ramai ibu bapa belum celik komputer. Saya yakin kelas-kelas pendidikan keibubapaan atau parenting yang dianjurkan oleh pusat ini akan menyumbangkan sesuatu kepada pembangunan keluarga.

23. Saya yakin Pusat Pendidikan Komuniti ini akan menjadi satu pusat sumber untuk masyarakat dalam kawasan Parlimen Kubang Pasu ini. Sesungguhnya saya mengharapkan kehadiran pusat ini akan menjadi satu lagi mercu tanda bagi daerah Kubang Pasu ini, dan dapat memberikan sumbangan penting kepada masyarakat di sini.

24. Akhir kata saya tidak lupa merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada

- (i) Firma OYL yang telah bermurah hati menaja sistem hawa dingin untuk pusat ini;
- (ii) Syarikat the New Star dari Singapura yang menderma 10 buah komputer;
- (iii) Syarikat Sun Micro System juga menyumbangkan 10 buah komputer untuk pusat ini;
- (iv) Syarikat Rhythm pula menyumbangkan kad IQ untuk keanggotaan pusat ini, membekalkan kemudahan dan buku-buku untuk pusat sumber serta sistem kawalan pengguna.
- (v) Kepada Universiti Utara Malaysia saya tidak lupa mengucapkan terima kasih atas segala kerjasama yang telah diberikan serta membekalkan Komputer Serindit keluaran UUM dan melengkapkan sistem untuk pusat cyber ini pada harga yang minimum.
- (vi) Di samping itu saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Syed Mokhtar Al-Bukhary; serta

- (vii) Penderma-penderma lain yang membantu menjayakan penubuhan Pusat Pendidikan Komuniti Parlimen Kubang Pasu ini.
- (viii) Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada pihak Jabatan Kerja Raya Negeri dan Pegawai Daerah Kubang Pasu dan pejabatnya yang telah membantu kerja merekabentuk serta menyelia kerja pengubahsuaian bangunan ini.

25. Marilah kita sama-sama memanfaatkan Pusat Pendidikan Komuniti ini dalam usaha membangunkan kesedaran terhadap teknologi komunikasi dan maklumat yang menjadi agenda penting dalam alaf baru ini.

\*\*\*\*